



Berkesempatan memberi tunjuk ajar berkaitan.



Diajar basuh tangan cara betul.



Antara ahli Harmoni terlibat misi ke Kemboja.

# Salur kefahaman kepentingan ilmu

**H**armoni Mission projek nasional julung kali diadakan di bawah Persatuan Belia Harmoni Malaysia (Harmoni) mengetengahkan elemen pendidikan jangka masa panjang kepada negara dipilih.

Baru-baru ini, seramai 17 ahli Harmoni dari pelbagai universiti seluruh negara terpilih mengikuti misi berkaitan selama lapan hari di Kemboja.

Harmoni Mission mengumpulkan dana sendiri bagi membantu keperluan-keperluan asas dirasakan penting bagi warga Kemboja, selain mendapat kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) seperti MyCare, Nice dan Pioneer.

Pengurus Misi, Muhammad Miqdam Mohd Rashid menegaskan misi dijalankan sejak enam bulan lalu ini berbeza dari kebiasaan sering dilakukan di luar sana.

"Objektif misi kami di sana untuk menyalurkan kefahaman mengenai kepentingan ilmu dan mengajak mereka mula melakukan perubahan bermula dengan diri sendiri.

"Umum mengetahui, Kemboja sering menjadi antara pilihan utama mereka di luar sana untuk menyumbang wang ringgit. Namun, Harmoni Mission kali ini cuba membawa kelainan dalam bentuk sumbangan diberikan bagi membuka mata golongan muda di sana agar lebih bersikap proaktif," katanya.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan bersama mahasiswa seperti Forum Peranan Mahasiswa Dalam Masyarakat dan Negara di Norton University, Phnom Penh.

Walaupun budaya forum bukan kebiasaan mahasiswa di situ, ia dilihat mampu menaikkan semangat mahasiswa agar keluar dari kepompong selesa. Perlawanan persahabatan futsal antara dua negara diadakan pada sebelah petangnya.

Slot di Sekolah Menengah Haji Fikry, Kg Chumnik turut menjadi tarikan pelajar melihat dunia sains secara lebih meluas, malah ia tajuik perkongsian salah seorang ahli misi yang juga mahasiswa Universiti Multimedia Malaysia (MMU) Melaka, Amir Shouqqie berkaitan 'Sains dan Teknologi'.

Slot praktikal mereka cipta kapal terbang hasil inspirasi Ibnu Firas tidak ketinggalan menggamit suasana meriah ketika mereka cuba menerbangkan kapal terbang masing-masing yang hanya menggunakan bahan utama tisu dan straw.

## BANYAK PENDEDAHAN

Salah seorang Krew Logistik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Najihah Dhaniala berkata, pihaknya berharap agar anak-anak di situ bukan sahaja mementingkan pendidikan ilmu, tetapi menitikberatkan isu kesihatan dan kebersihan.

"Disebabkan itu, kami bersemangat

mengajar mereka menggunakan berus gigi dan membasuh tangan dengan cara betul," katanya.

Ahli misi tidak ketinggalan menggunakan peluang menjejaskan kaki ke Kedutaan Malaysia di Phnom Penh. Peluang ini dilihat memberi banyak pendedahan kepada peserta untuk menghargai negara dan mengetahui perkembangan isu di luar negara khususnya yang berkaitan Malaysia.

Peserta didedahkan mengenai peluang pelaburan dan hubungan baik antara negara, lebih-lebih lagi dalam keadaan Kemboja sedang membangun.

Selain sumbangan berbentuk pertukaran ilmu, bantuan lain diberikan adalah makanan seperti 100 kilogram (kg) beras, sardin, 20 pek sumbangan kepada asnaf di Kampung Sampan, Phnom Penh.

Sebanyak 100 pek makanan diberi di Kampung Chumnik, 70 pek alat tulis dan 70 kit kesihatan kepada kanak-kanak di Tadika Ar Rahmah serta 94 pek alat tulis dan 94 kit kesihatan kepada anak-anak di I-Smart Tahfiz, Kampung Chumnik, dan sumbangan fasiliti berjumlah \$1,700 USD untuk tandas dan bilik air bagi kegunaan tahfiz.

Penyerahan sumbangan \$400 USD bagi Projek Wakaf Pendidikan di Sekolah Menengah Haji Fikry, aqiqah tujuh bahagian lembu juga dilakukan pada malam terakhir di Kampung Chumnik.



HARMONI

- Misi - Memperkasakan pembangunan mahasiswa dalam mengurus-perdanakan fikrah Islam di kampus.
- Moto: Akhlak, khidmat, ukhuwah.
- Organisasi Jawatankuasa Penaja Pusat:-
- Presiden Pejabat Presiden JK Politik Kampus: Ahmad Taqiyuddin Shahrman (USM)
- Timbalan Presiden JK Masyarakat Madani: Syuaib Supani (UM)
- Naib Presiden 1 JK Dakwah: Muhamad Shafik Shahidan Fauzi (UIAM)
- Setiausaha Agung: Ahmad Azizi Mokhtar (USM)
- Pen Setiausaha Agung: Nu'aimah Mohammad Aris (UPM)
- Bendahari Kehormat: Fatin Najihah Muhammad Lutfi (Unimas), (Usum)
- JK Tarbiah Dan Pembangunan Ummah: Tengku Muhammad Ibrahim Salahuddin Tengku Ahmad (UM)
- JK Tarbiah Dan Pembangunan Ummah: Hanan Hamidon (Usum)
- JK Khidmat Masyarakat: Nurul Husna Assaadah Bain (Usum), (UPSI)
- JK Penyelidikan, Pemangku Jk Akademik Dan Intelektualisme: Nur Zahanim Muhammad Zahir (UPM)
- JK Pembelaan Antarabangsa: 'Amir Izzudin Muhammad Darul Quran Jakim, (Usum)
- JK Ekonomi Dan Keusahawanan: Nur Qhairun Nabila Hussin (UM)
- JK Media Dan Penerangan: Aidil Azim Mohamad Fozi (UIAM)



Kanak-kanak miskin Kemboja teruja menerima pemberian.



Menekankan aspek kebersihan diri.



Sesi mengajar anak Kemboja cara memberus gigi.